



AT-TAQWA

Diterbitkan Oleh : JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

BIL. 4

MUHARRAM 1425

Mac 2004

التقوى



• Bagaimana Hisab menepati Kebendak Syarak? Ms 10

• Resolusi Seminar Perundangan Syariah Ms 16

• Soal Jawab Agama Ms 14

• Kisah Tauladan Ms 18

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Sahibus Samahah
Dato' Hj. Mohd. Tamyas B. Abdul Wahid
Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor

PENASIHAT

Sahibus Samahah
Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor

KETUA PENGARANG

Tuan Hj. Zainal Abidin B. Sulaiman

KETUA EDITOR

Ustaz Rizal B. Ramli

SIDANG PENGARANG

Tuan Hj. Zainal Abidin B. Kusmin
Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan
Ustaz Mohammad Nabil B. Dato' Hj. Abu Naim
Puan Arbaayah Bt. Bahari

SIDANG EDITOR

Ustaz Hairul Anuar B. Samingan
Puan Rosidah Bt. Saubiran

PENULIS JEMPUTAN

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zaleha Bt. Kamaruddin
(Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)

GRAFIK

Ustaz Norhafiz B. Hussin

JURUTAIP

Ustazah Norhazanah Bt. Sarlan
Puan Norwashifaiha Bt. Radzuan
Puan Maryani Bt. Zazuly

EDARAN

En. Abdul Hamid B. Arasat
En. Khalid B. Abdul Hamid
Hj. Zasali B. Mohd. Yunus
En. Amiruddin B. Hamzah
En. Mohammad Ali B. Abdul Hamid



Perutusan

Sahibus Samahah
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam Yang Maha Agong dan Luas Kekuasaannya, atas limpah kurnia dan keizinanNya, kita sebagai hambaNya telah dianugerahkan kesihatan yang baik dan kekuatan untuk meneruskan kehidupan sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini.

Sebagai khalifah, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita untuk melaksanakan segala perintahNya dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya. Dalam menjalankan tugas seharian kita hendaklah memikulnya dengan penuh rasa tanggungjawab dengan mengamalkan sifat amanah, jujur dan ikhlas semata-mata mengharap keredhaan Allah S.W.T. kerana kerja itu merupakan suatu ibadah.

Di samping itu, dalam menjalankan tugas seharian, kita perlulah menjadi warga kerja yang mempunyai iltizam tinggi supaya dapat menghasilkan kerja yang lebih berkualiti dan memuaskan pelanggan. Ini sesuai dengan langkah kerajaan memperkenalkan formula 6M (Musyaratah, Muraqabah, Muhasabah, Mu'aqabah, Mujahadah, Mu'atabah) di samping merealisasikan pendekatan pentadbiran mesra rakyat dan 4E (Educated, Efficient, Effective dan Electronic Government) di Negeri Selangor. Sekiranya elemen-elemen di atas dapat dilaksanakan dengan baik maka, misi untuk mencapai negeri maju yang syumul menjelang tahun 2005 dapat direalisasikan.

Firman Allah S.W.T. dalam surah At-Taubah ayat 105 yang bermaksud:-

"Dan katakanlah (wahai Muhammad); Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan). Maka Allah dan RasulNya serta orang-orang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan".

Semoga segala usaha yang kita lakukan, akan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah S.W.T. InsyAllah.

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Kandungan

- 2 Perutusan Mufti & Sidang Redaksi & Isi Kandungan
- 3 Perkembangan dan Pencapaian Jabatan Mufti Selangor
- 4 Internet Sebagai Medium Dakwah
- 5 Laman Web Jabatan Mufti Selangor
- 6 Tokoh Dalam Kenangan
- 7-10 Penulis Jemputan :
Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zaleha bt. Kamaruddin
- 10-11 Bagaimana Hisab Menepati Kehendak Syarak?
- 12-13 Berita bergambar, sekitar Seminar Perundangan Syariah

- 14-15 Soal Jawab Agama Mengenai Isu-isu Semasa
- 16-18 Resolusi Seminar Perundangan Syariah
- 18 Kisah Tauladan
- 19-20 Keputusan Fatwa Negeri Selangor
- 21-22 Rahsia dan Nikmat di Sebalik Erti "Kesabaran"
- 22 Penentuan Arah Qiblat
- 23 Aktiviti Jabatan Mufti Sepanjang 2004

PERKEMBANGAN/KEMAJUAN JABATAN MUFTI SELANGOR

Jabatan Mufti pada keseluruhannya telah mencapai kemajuan yang cemerlang sepanjang tahun 2003. Ini terbukti apabila Jabatan ini telah dapat meraih beberapa anugerah seperti berikut:-

1) Pencapaian Anugerah Kewangan Jabatan Mufti Selangor:

- Menerima Hadiah Anugerah Khas Juri di dalam Anugerah Pengurusan Kewangan Negeri Selangor 2003 - Hadiah berupa wang tunai berjumlah RM1,000.00 serta sijil.
- Menerima hadiah Anugerah Insentif bagi kategori C - Hadiah berupa wang tunai berjumlah RM2,000.00 serta sijil.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia, Seksyen 7 Shah Alam, sempena Majlis Penutup Bulan Kualiti Negeri Selangor bagi Sektor Awam.

2) Anugerah Darjah Kebesaran dan Perkhidmatan Cemerlang:

Tahniah diucapkan kepada kakitangan Jabatan Mufti Selangor yang telah dianugerahkan Bintang dan Pingat dan juga Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kerana usaha gigih mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada agama dan negara yang tidak berbelah bagi.



Pertama sekali tahniah diucapkan kepada SS. Timbalan Mufti Selangor iaitu Tuan Hj. Abdul Majid bin Omar kerana telah dianugerahkan Darjah Kebesaran DSIS yang membawa gelaran "Dato'" Oleh DYMM Sultan Selangor pada 10 Disember, 2003 sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke 58.

Seterusnya tahniah juga kepada Encik Khalid bin Abdul Hamid kerana menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2002 beserta wang tunai berjumlah RM1,000.00 di Kelab Alam Shah, Shah Alam.



PERKEMBANGAN SEMASA KAKITANGAN JMS

Pada 16 Januari, 2004, seorang Pegawai Jabatan Mufti Selangor telah bertukar ke Politeknik Sabak Bernam. Beliau ialah Encik Mohd. Azmi bin Abdul Manan, Penolong Pegawai Tadbir Gred N32. Tempat beliau telah digantikan oleh Encik Abdul Razak bin Johar dari Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor.

Jabatan Mufti Selangor juga telah mengalu-alukan kehadiran beberapa kakitangan baru yang telah dilantik secara tetap. Mereka terdiri daripada Cik Norhazanah binti Sarlan sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, yang telah melapor diri pada 2.9.2003. Beliau ditempatkan di Bahagian Falak Syarie.

Di Bahagian Pentadbiran pula, Jabatan Mufti Selangor telah menerima 2 orang kakitangan baru iaitu Puan Mariani bt Zazuly yang telah melapor diri pada 1.11.2003 sebagai Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) serta Puan Rosidah bt. Saubiran yang ditugaskan

sebagai Pembantu Tadbir, beliau telah melaporkan diri pada 16.1.2004. Semua Warga Jabatan Mufti Selangor mengucapkan Ahlan Wa Sahlan Wa Marhaban bikum, dan selamat bertugas kepada mereka.



Majlis Perpisahan Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Mufti, En. Mohd. Azmi b. Abd. Manan yang bertukar ke Politeknik Sabak Bernam

INTERNET SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

Oleh : Mohammad Nabil Bin Dato' Haji Abu Naim

Dewasa ini umat Islam sedang mengalami satu cabaran yang getir disebabkan dari tragedi September 2001 lalu. Musuh Islam telah mengambil peluang bagi memburuk dan menghina umat Islam dan ajarannya. Oleh kerana itu adalah penting bagi umat Islam untuk bangun menegakkan kesucian ajaran Islam dan penganutnya dengan menggunakan segala bentuk media yang ada termasuk ICT.

Teknologi maklumat dan komunikasi, yang lazimnya diringkaskan sebagai ICT merupakan satu teknologi yang telah merubah cara manusia menjalankan kehidupan sehari-hari. Hakikatnya, teknologi yang dianggap moden ini telah mempercepatkan perhubungan sesama manusia di samping mempertingkatkan kecekapan pemprosesan dan penyimpanan data serta penghantaran maklumat.

Terdapat pelbagai kaedah dari ICT yang boleh kita gunakan untuk menyampaikan risalah dan pemahaman berkenaan Islam. Antaranya adalah Teknologi Internet. Perkembangan teknologi Internet adalah terlalu cepat. Sejarah perkembangannya adalah bermula pada pertengahan tahun 1985. Internet adalah sebuah rangkaian yang mempunyai pelbagai rangkaian didalamnya. Ia mengandungi suatu rangkaian besar di peringkat antarabangsa. Setiap komponen dalam rangkaian ini adalah juga suatu rangkaian sama ada di peringkat wilayah atau negara. Rangkaian negara ini terdiri daripada pelbagai rangkaian setempat. Pada permulaan sejarah perkembangannya ianya direkacipta bertujuan untuk mencari satu seni bina rangkaian yang mampu bertahan jika diserang musuh.

Pada awal tahun 1990an, satu aplikasi baru telah diperkenalkan yang dikenali sebagai WWW (World Wide Web). Melalui aplikasi ini, capaian kepada dokumen dalam Internet dapat dilakukan dengan mudah. Dengan menekan satu pautan yang terdapat dalam satu dokumen, kita boleh memperolehi dokumen yang lain. Dokumen tidak lagi terhad kepada teks, tetapi boleh meliputi gambar, bunyi dan video. Aplikasi inilah yang telah menarik perhatian orang ramai untuk menggunakan Internet.

Melalui WWW, pelbagai maklumat sekarang telah disediakan dalam Internet. Ramai individu dan syarikat telah menyediakan pelbagai maklumat. Dengan adanya Internet, kelompok orang ramai ini tidak lagi terhad kepada sekelompok manusia yang berdekatan, tetapi adalah semua manusia diseluruh dunia yang boleh mencapai Internet. Terdapat beberapa faktor yang menjadikan perkongsian maklumat melalui Internet amat berkesan. Antaranya ialah mudah, cepat, murah, tiada sempadan, interaktif dan multimedia.

Pada ketika ini terdapat banyak laman web yang bertujuan menjadi sumber rujukan kepada umat Islam di Internet, sebagai contoh kebanyakan Jabatan Mufti di Malaysia mempunyai laman web mereka sendiri termasuk Jabatan Mufti Negeri Selangor. Demikian juga Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia.

Dalam menghasilkan satu laman web yang menarik dan berkesan, beberapa perhatian ke atas rekabentuk laman web tersebut perlu dilakukan. Sesuatu laman web itu perlulah interaktif. Satu lagi ciri utama yang perlu ada untuk satu laman web yang berkesan adalah dinamik. Dinamik disini bermaksud pelayan web akan mengemaskini kandungan web tersebut dari semasa ke semasa untuk mengikut perkembangan sesuatu peristiwa atau mengikut kadar tertentu, sama ada setiap hari seperti berita terkini, pemberitahuan ataupun makluman.

Mutiara Kata

**Sesungguhnya engkau
tidak akan memperoleh
apa yang engkau sukai,
melainkan dengan
kesabaranmu atas apa
yang tidak engkau sukai.**

(Isa a.s)

LANAMAN WEB JABATAN MUFTI SELANGOR

<http://mufti.selangor.gov.my>

Pada ketika ini, disebabkan berkembangnya Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terdapat organisasi samada kerajaan mahupun swasta mempunyai Laman Web sendiri bertujuan menerangkan dan mempromosikan kepada orang awam berkenaan struktur organisasi serta fungsi organisasi tersebut. Demikianlah juga yang berlaku di Jabatan Mufti Selangor. Laman web ini telah dilancarkan oleh DYMM Pemangku Raja Selangor pada 15 Oktober 2001 bersamaan 27 Rajab 1422H.

Tujuan Utama laman web ini dibangunkan adalah untuk memudahkan orang awam merujuk maklumat-maklumat penting berkenaan Jabatan Mufti Selangor. Ia juga berfungsi sebagai salah satu medium bagi menyebarkan maklumat berkenaan dengan struktur organisasi, program-program dan berita-berita penting berkenaan isu-isu semasa. Disamping itu ia adalah merupakan salah satu cara bagi menegakkan syiar Islam melalui ICT



Laman Web rasmi Jabatan Mufti Selangor dilengkapi dengan beberapa maklumat penting yang terdiri daripada:

1. Kata-kata aluan SS. Dato' Mufti Selangor.
2. Pengenalan Jabatan
3. Piagam Jabatan
4. Struktur Organisasi Jabatan
5. Senarai Mufti-mufti Negeri Selangor
6. Maklumat bahagian
7. Aktiviti
8. Fatwa Negeri Selangor
9. Hiper rangkaian

Soalan dan Kemusykilan agama juga boleh dilakukan melalui email di :

mufti_sel@selangor.gov.my

Selain daripada maklumat berkaitan jabatan. Ia juga menyediakan bahan-bahan rujukan untuk dijadikan panduan kepada pelayar:

1. Koleksi artikel

Para pelayar boleh merujuk beberapa artikel yang telah diterbitkan oleh Jabatan Mufti Selangor.

Artikel-artikel ini telah diterbitkan dalam bentuk buku dan brosur/risalah.

2. Koleksi Isu dan kemusykilan agama

Segala kemusykilan agama yang dikemukakan kepada Jabatan Mufti Selangor dan isu terkini telah dikumpulkan untuk rujukan para pelayar.

3. Koleksi buletin At-Taqwa.

Buletin At-Taqwa merupakan buletin yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor bertujuan menerangkan kepada orang ramai tentang perkembangan organisasi jabatan disamping menjadi bahan bacaan orang ramai untuk mendalami Islam

4. Koleksi Penerbitan Buku Panduan Fatwa

Buku panduan ini telah diterbitkan bertujuan menjadi rujukan orang ramai tentang Fatwa yang telah diwartakan di Negeri Selangor.

5. Koleksi Amalan Doa Harian

6. Jadual Waktu Solat yang boleh di download

7. Berita terkini berkenaan aktiviti jabatan

8. Hiperangkai ke Sistem E-Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.



9. Koleksi Khutbah

10. Panduan Arah Qiblat

Berkenalan Dengan Tokoh Ulama' Syeikh Mohamad Idris Al-Marbawi

Pengenalan

Semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada sekitar abad yang ke 15 dengan terbinanya Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1402 Hijrah, dunia Tanah Melayu sentiasa disirami embun hidayah daripada Allah S.W.T. Lantaran daripada itu, rantau ini menyaksikan kelahiran beberapa orang tokoh ulama' besar yang unggul dan telah memperlihatkan kewibawaan mereka dalam menyebarkan dan menyemarakkan syiar Islam di bumi bertuah ini.

Dalam ruangan tokoh ulama' majalah At Taqwa kali ini, penulis akan cuba mengutarakan anak melayu yang amat terkenal dalam sumbangan ilmiahnya iaitu Syeikh Idris Al- Marbawi.

Kelahiran dan Pendidikan

Tokoh ulama besar ini dilahirkan pada 28 Zulkaedah tahun 1313 Hijrah bersamaan 10 Mei 1896 Masihi di kota suci Mekah semasa ayahanda dan bondanya menunaikan fardhu haji dan menuntut ilmu disana. Beliau kemudiannya diberi nama Mohamad Idris bin Abdul Rauf sempena nama imam Al-Shafie. Perkataan Al-Marbawi di hujung namanya adalah merujuk kepada kampung asal keluarganya iaitu di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar.

Beliau mendapat pendidikan awal di Mekah, dalam usia 10 tahun beliau telah pun menghafaz 16 juzuk Al-Quran serta menghafaz kitab Matan Al-Ajrumiah (matan asas ilmu nahu).

Pada tahun 1913, tokoh ini kembali ke kampung asalnya di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar bersama-sama keluarganya. Beliau kemudiannya memasuki Sekolah Melayu Lubuk Merbau. Seterusnya belajar pula di Pondok Syeikh Wan Muhammad Wan Husin Al- Marbuli Al-Kelantani di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Selepas beberapa tahun di pondok tersebut, beliau menyambung pelajaran di Pondok Tuan Hussin di Pokok Sena, Kedah. Kemudian menyambung pula di Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Selepas beberapa tahun di Pulau Pinang, beliau menyambung pelajaran di Negeri Kelantan dibawah pimpinan ulama' besar Tok Kenali. Di sini beliau menumpukan perhatian kepada ilmu-ilmu nahu dan tatabahasa arab.

Setelah tamat pengajian pada sekitar tahun 1923, beliau menerima tawaran sebagai guru agama bertauliah dari Kerajaan Negeri Perak. Tidak lama berkhidmat sebagai guru, beliau kemudiannya menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar Mesir. Di Universiti Al-Azhar beliau memperolehi ijazah dalam bidang syariah. Di samping belajar secara formal, beliau juga rajin belajar dan mencari guru di luar bilik kuliah secara halaqah dari satu kitab ke satu kitab.

Karya Penulisan

Beliau mula menghasilkan karya sulungnya pada tahun 1372 Hijrah bersamaan 1952 Masihi, apabila kamus Idris Al-Marbawi yang mula ditulis pada bulan April 1949 semasa bermastautin di Kaherah, Mesir diterbitkan.

Sehingga tahun 2001, kamus tersebut telah diulang cetak sebanyak 25 kali yang disifatkan oleh para sarjana sebagai karya yang teragung beliau.

Pada tahun 1990, kamus ini telah diberi nafas baru iaitu keluarnya edisi baru dengan beberapa pembetulan, pembaharuan kata dan ejaan baru.

Selain kamus tersebut, terdapat satu lagi hasil karya besar beliau iaitu Kitab Bahrul Mazi. Kitab ini merupakan kitab hadis yang terbesar dalam bahasa Melayu yang mengandungi 2775 hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Termizi. Kitab yang berhalaman 5500 muka surat ini membicarakan sebanyak 8200 masalah agama dalam 22 jilid dengan menjurus kepada huraian feqah Mazhab Syafie. Kitab ini menjadi panduan kuliah Maghrib di setengah-setengah Masjid di Negeri Selangor.

Selain daripada itu, beliau juga menghasilkan beberapa kitab tafsir Al-Quran dan lain-lain karya penulisan dalam bahasa Melayu :

1. Tafsir Al-Quran Marbawi
2. Tafsir Al-Quran Nurul Yakin
3. Tafsir Surah Yaasin
4. Tafsir Fath Al-Qadir
5. Bulughul Maram (Kitab hadis huraian hukum feqah)
6. Idaman Guru (Huraian hadis sahih Bukhari dan Muslim)
7. Usul Islam
8. Nizam Al-Hayat
9. Pati Hukum Ibadah

Anugerah dan Penghormatan

Sebagai ulama' dan tokoh pengarang, beliau telah dipilih menerima anugerah **Ijazah Kehormat Doktor Persuratan** oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 Julai 1980. Di samping itu, beliau juga menerima tokoh Maal Hijrah Kebangsaan yang pertama pada 1 Muharam 1408 Hijrah bersamaan 26 Ogos 1987. Malah Sekolah Melayu Lubuk Merbau / Sekolah Kebangsaan Lubuk Merbau telah ditukar nama kepada Sekolah Kebangsaan Mohamad Idris Al-Marbawi mengambil nama sempena nama beliau.

Rujuk Majalah Pengasuh bil. 568 yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan.

KELEWATAN DALAM PENGENDALIAN KES-KES PERCERAIAN DI MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARI'AH DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (1997-2002)

Prof. Madya Dr. Zaleha Kamaruddin

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor

Pengenalan

Terdapat persepsi negatif daripada masyarakat terutamanya kaum wanita yang menganggap Mahkamah Syari'ah tidak cekap dalam mengendalikan kes-kes kekeluargaan. Persepsi ini diperkuatkan lagi oleh media yang mengenengahkan kes-kes tertentu seperti kes Aida Melly. Sebagai institusi yang melaksanakan hukum Islam, persepsi yang negatif akan mencemar imej Islam secara tidak langsung. DYMM Sultan Selangor telah menitahkan supaya suatu kajian dibuat bagi mengatasi isu kelewatan perceraian di negeri Selangor. Sebuah jawatankuasa telah dilantik yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Haji Zawawi bin Haji Salleh bertanggungjawab untuk mengenalpasti tahap dan sebab-sebab kelewatan kes-kes perceraian dan mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan tersebut di Selangor.

Beberapa metodologi telah diambil dalam kajian ini untuk memastikan data dan analisa yang dikemukakan adalah sahih. Antara metod yang digunakan adalah mengumpul data perceraian yang lebih komprehensif bagi seluruh negeri Selangor bagi tempoh 1997-2002 oleh Mahkamah Syari'ah dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia. Analisa kuantitatif oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia diperkuatkan dengan analisa kualitatif berdasarkan laporan daripada pihak Mahkamah Syari'ah, Biro Bantuan Guaman dan Bahagian Perundangan Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. Satu mesyuarat khas yang dihadiri oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan kelewatan pengendalian kes-kes perceraian diadakan untuk membincang cadangan selepas mengenalpasti tahap kelewatan dan punca masalah.

Penemuan Kajian

Secara amnya, kajian ini menunjukkan **bahawa tidak ada kelewatan bagi jenis perceraian yang dituntut oleh pihak lelaki iaitu permohonan talaq dan pengesahan talaq. Kelewatan hanya berlaku dalam jenis perceraian yang dituntut oleh pihak wanita iaitu fasakh dan ta'liq.** Berikut adalah rumusan-rumusan yang lebih terperinci setelah mengguna pakai takrifan **kes lambat sebagai kes yang gagal diselesaikan dalam tempoh 365 hari setelah kes itu didaftarkan dan takrifan kes cepat, iaitu kes yang dapat diselesaikan kurang dari 365 hari.**

i. Tahap Kelewatan Kes-Kes Perceraian

- Kajian tersebut menunjukkan 81.8% dari semua kes perceraian Negeri Selangor dari tahun 1997 hingga 2002 dapat diselesaikan dalam tempoh 365 hari dan 18.4% daripada kes-kes perceraian tersebut merupakan kes-

kes yang lewat dibicarakan. Nisbah bagi kes perceraian yang dapat diselesaikan dalam tempoh 365 hari per kes lambat ialah 4.4 kes setahun. Sebanyak 61.2% kes perceraian dapat diselesaikan dalam jangkamasa enam bulan manakala 20.4% pula dapat diselesaikan di dalam jangka waktu enam bulan hingga setahun.

- Kes pengesahan cerai adalah jenis yang terbanyak diselesaikan iaitu 42.5 % diikuti dengan kes permohonan cerai, 38.2%. Kes ta'liq pula hanya 13.3% manakala fasakh yang paling sedikit (6%). Namun bagi kes permohonan dan pengesahan cerai, kes-kes ini dapat diselesaikan dalam jangka waktu 225 hari, sedangkan kes fasakh yang hanya 6% daripada keseluruhan kes mengambil masa lebih dari setahun untuk diselesaikan. Begitu juga dengan kes ta'liq. Kes perceraian jenis ini memerlukan masa hampir satu tahun untuk diselesaikan (purata 340 hari). Peratus kes yang mengambil masa lebih daripada satu tahun untuk diselesaikan adalah lebih tinggi daripada peratus kes yang dapat diselesaikan kurang daripada satu tahun hanya tertumpu bagi kes fasakh dan ta'liq sahaja. Untuk kes fasakh berdasarkan kepada daerah, semua mahkamah kecuali Kuala Langat, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sabak Bernam perlu dibantu. Secara perbandingan kes-kes ta'liq lebih memerlukan perhatian dan sokongan bagi semua daerah.
- Secara perbandingan pengendalian kes perceraian jenis fasakh dan ta'liq adalah dikira kurang cekap dan kes mohon cerai melalui talaq dan pengesahan talaq adalah dikira cekap. Walau bagaimanapun, pengendalian jenis-jenis perceraian adalah berbeza kerana di dalam kes fasakh dan ta'liq, pelbagai proses termasuk pembuktian menyukarkan pengendalian kes tersebut yang mengakibatkan kelewatan. Untuk kes fasakh kesemua mahkamah memerlukan sokongan dan bantuan kerana peratus kes yang mengambil masa lebih daripada satu tahun adalah lebih banyak dari peratus kes yang mengambil masa kurang daripada satu tahun. Oleh kerana fasakh dan ta'liq adalah jenis perceraian yang dimohon oleh wanita, kelewatan mahkamah dalam pengendalian kes-kes ini menyebabkan kebanyakan wanita yang berurusan dengan mahkamah merasakan mahkamah tidak cekap.
- Dari segi pecahan kes perceraian negeri Selangor mengikut daerah dari tahun 1997-

2002, Mahkamah Syari'ah Rendah Kelang (17.6%), Shah Alam (16.0%), Petaling Jaya (13.6%), Gombak Barat (10%) dan Hulu Langat (15.9%) merupakan mahkamah yang dapat menyelesaikan kes perceraian yang terbanyak dalam tahun-tahun tersebut. Jangkawaktu penyelesaian kes cerai ini bergantung kepada bebanan kes yang perlu ditangani oleh mahkamah daerah tersebut. Mahkamah yang dipertanggungjawabkan untuk menangani kes lebih daripada 10% atau lebih mengambil masa sekurang-kurangnya 121 hari untuk diselesaikan. Terdapat mahkamah-mahkamah yang perlu disokong dan dibantu untuk mempercepatkan kes-kes perceraian. Antara mahkamah-mahkamah tersebut adalah Kelang, Hulu Langat, Shah Alam dan Petaling Jaya.

- e. Kelewatan adalah satu masalah yang sangat runcing dalam tahun 1997 di mana ia mencatatkan nisbah kecekapan yang paling rendah iaitu 0.065. Nisbah kecekapan meningkat sedikit pada tahun-tahun berikutnya. Malangnya pada tahun 2000 nisbah tersebut turun kepada 1.3 dan seterusnya menjunam kepada 1.2. Tahun 2002 mencatatkan sejarah apabila nisbah kecekapan melonjak kepada 28.8. Jelas bahawa tindakan mahkamah menambah bilangan hakim dan pegawai sulh adalah satu tindakan yang betul. Ini disokong oleh nisbah bagi kes ta'liq. Peratus penyelesaian kes-kes fasakh dan ta'liq pada tahun 2002 adalah jauh lebih tinggi berbanding peratus kes yang mengambil masa lebih daripada setahun. Walau bagaimanapun, kita perlu mengawal nisbah kecekapan dengan jumlah kakitangan dengan jumlah kes yang dikendalikan. Memandangkan kajian ini tidak mengambil kira jumlah kakitangan untuk memastikan kecekapan, kajian yang lebih lanjut perlu dilakukan untuk mengenalpasti kecekapan mahkamah dalam pengendalian kes-kes perceraian pada masa akan datang.

ii. Punca Kelewatan Kes Perceraian

- a. Kajian ini menunjukkan mereka yang bekerja di Mahkamah Syari'ah didapati kurang berpengalaman di mana 68% responden bertugas kurang dari tiga tahun dan 15% lagi telah bertugas selama 4-6 tahun di mahkamah tersebut. Hanya 17% sahaja tergolong daripada pegawai yang berpengalaman.
- b. Antara punca utama kelewatan adalah berkaitan dengan anakguam yang tidak hadir semasa perbicaraan dijalankan (41%). Manakala punca-punca lain pula adalah dari pihak responden, pihak mahkamah sendiri dan ketiadaan pegawai Biro Bantuan Guaman (BBG). Peguam responden yang sering memohon kes ditangguhkan atas sebab terpaksa mengendalikan kes lain dan untuk berbincang dengan responden juga

mengakibatkan kelewatan proses perceraian.

- c. Punca-punca lain dalam menyebabkan kelewatan kes perceraian ini, antaranya ialah kurangnya atau tiada kerjasama daripada pihak-pihak yang terbabit dalam kes tersebut seperti suami, isteri, saksi dan peguam, saman tidak sempurna atau tidak sampai kepada responden kerana alamat yang diberikan tidak lengkap, terlalu banyak kes di mahkamah, prosedur untuk perbicaraan mengambil masa yang panjang, dan sikap kakitangan mahkamah sendiri.

iii. Punca Kes Perceraian Selesai Kurang Dari 365 Hari.

- a. Faktor utama kes perceraian di mahkamah syari'ah dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat adalah kerana tuntutan tersebut diselesaikan melalui Majlis Sulh. Majlis ini berfungsi sebagai tapisan pertama kepada kes-kes perceraian yang mana kes-kes tersebut tidak perlu dibicarakan di mahkamah sekiranya ia telah selesai di majlis ini.
- b. Kehadiran kedua-dua pihak (suami dan isteri) amat penting untuk menyelesaikan kes perceraian. Kehadiran mereka akan memudahkan segala urusan yang melibatkan kedua-dua pihak.
- c. Faktor tuntutan perceraian yang ditukar kepada persetujuan bersama untuk bercerai juga didapati mempercepatkan proses perceraian.
- d. Faktor lain yang menyumbang kepada kecekapan kes perceraian selesai ialah kerjasama daripada kedua-dua pihak, kedua-dua pihak tahu dan faham apa yang mereka hendak pohon, dan saman dapat disempurnakan dengan segera.

Kesimpulan

Antara cadangan yang dikemukakan untuk mengatasi masalah kelewatan adalah seperti berikut:

i. Peruntukan Undang-Undang.

- a. Satu kertas kerja berkenaan Cadangan Pindaan kepada Enakmen Keluarga Islam Selangor no. 4 Tahun 1984 Pindaan 1989 dan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor no. 2 1989 telah diusulkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Antara pindaan yang dicadangkan ialah berkenaan dengan pemindahan kuasa daripada Hakim Syarie kepada Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' Orang Islam bagi mempercepatkan proses permohonan penceraian secara talak, fasakh, khulu' dan ta'liq. Cadangan ini, antara lain akan membantu meringankan bebanan Mahkamah Syari'ah dalam mengendalikan kes-kes yang semakin bertambah serta mengurangkan kes-kes yang tertangguh. Walau bagaimanapun, ahli jawatankuasa mesyuarat tersebut berpendapat cadangan itu

mungkin tidak dapat dilaksanakan kerana Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk menerima pakai Rang Undang-Undang Keluarga Islam yang telah digubal oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-raja. Cadangan ini bagaimanapun, boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal tersebut untuk dipertimbangkan sewajarnya.

ii. Prosedur

- a. Berdasarkan peruntukan-peruntukan sedia ada di dalam Enakmen Keluarga Islam Selangor No. 4 Tahun 1989, terdapat beberapa prosedur seperti kehadiran untuk sesi kaunseling, rujukan kepada Jawatankuasa Pendamai dan juga Hakam yang perlu dilalui oleh pihak yang menuntut perceraian. Prosedur-prosedur ini dilihat sebagai punca-punca yang menimbulkan kelewatan penyelesaian kes-kes perceraian. Tempoh yang terlalu lama dan tidak seragam bagi setiap peringkat dalam prosedur yang terlibat adalah menjadi sebab utama kelewatan yang berlaku. Di dalam sesetengah kes, walaupun Mahkamah telah mengesahkan sesuatu perceraian, kelewatan pula timbul dalam isu pengeluaran Sijil Cerai yang turut mengambil masa yang lama. Ahli Jawatankuasa berpendapat kajian semula perlu dibuat berhubung dengan prosedur kaunseling dan Jawatankuasa Pendamai/Hakam. Jika perlu, suatu tempoh hendaklah ditetapkan bagi setiap peringkat dan pengendaliannya diberi kepada satu pihak sahaja.
- b. Pihak Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia dicadangkan mengeluarkan Arahan Amalan berhubung dengan jenis-jenis kes yang perlu dirujuk untuk sesi kaunseling, tempoh masa yang ditetapkan dan bentuk laporan yang diperlukan.
- c. Peranan pegawai sulh dan Jawatankuasa Pendamai/Hakam perlu dijelaskan kepada orang ramai. Mahkamah Sulh perlu diperbanyakkan supaya kes-kes dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Selain dari itu, Arahan Amalan mengenai kes-kes yang perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pendamai/Hakam perlu dikeluarkan bagi memastikan kes-kes yang mempunyai potensi untuk didamaikan sahaja yang dirujuk kepada Jawatankuasa tersebut.
- d. Satu kajian terperinci perlu dibuat untuk mengurangkan tahap kelewatan dalam kes pengendalian kes-kes fasakh dan ta'liq terutamanya bagi aspek pembuktian termasuk prosedur pembuktian. Kajian tersebut amat penting kerana seperti yang dibuktikan dalam kajian ini kebanyakan kes-kes perceraian yang mengalami masalah kelewatan adalah dalam kategori ini.

iii. Amalan-Amalan yang Terpakai dalam Tuntutan Perceraian.

- a. Amalan-amalan yang terpakai di dalam tuntutan perceraian di Mahkamah Syari'ah turut menimbulkan kerumitan dan kelewatan penyelesaian kes-kes perceraian. Sebagai contoh mahkamah memerlukan laporan sesi kaunseling dalam permohonan untuk perceraian. Sekiranya pasangan tersebut tidak menghadiri sesi kaunseling kerana merasakan perkahwinan itu tidak dapat diselamatkan lagi akan mengalami kerumitan. Ini adalah kerana pihak mahkamah tetap mengarahkan supaya sesi kaunseling dijalankan terlebih dahulu. Ini terbukti apabila laporan dari Bahagian Perundangan Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor mengesahkan terdapat kes-kes yang terpaksa ditangguh kerana pemohon tidak hadir untuk sesi rundingcara setelah dipanggil melalui surat sebanyak tiga kali atau pihak yang diadu terlibat dengan jenayah dan ditahan di dalam lokap dan pelbagai kes yang tidak dapat diselesaikan kerana kedua belah pihak tidak memberikan kerjasama dalam menyelesaikan masalah rumahtangga kepada pegawai rundingcara. Kes-kes yang melibatkan tuntutan perceraian secara persetujuan juga perlu mematuhi prosedur yang sama. Persepsi dan corak pemikiran pihak Mahkamah yang lebih cenderung untuk membawa pihak-pihak yang terlibat dalam kes tuntutan perceraian ke arah perdamaian (sulh) walaupun perkahwinan itu tiada harapan lagi untuk diselamatkan, menyumbang kepada penangguhan kes-kes tersebut. Mesyuarat berpendapat bahawa prosedur ini perlu dikaji semula dan suatu garis panduan yang jelas dikeluarkan bagi mempercepatkan lagi prosedur tuntutan perceraian.

iv. Pengendalian Perbicaraan di Mahkamah Syari'ah.

- a. Antara punca-punca kelewatan pengendalian perbicaraan kes-kes perceraian di Mahkamah Syari'ah ialah masalah kekurangan kakitangan mahkamah termasuklah hakim-hakim dan pendaftar-pendaftar yang kecil bilangannya berbanding dengan jumlah kes yang dirujuk dan dibawa ke Mahkamah. Dengan penambahan hakim dan pegawai sulh pada tahun 2002, tahap pengendalian kes perceraian mengalami peningkatan yang sangat positif. Tahap pengendalian kes boleh ditingkatkan sekiranya kakitangan mahkamah mempunyai pengalaman.
- b. Walau bagaimanapun, penambahan hakim sahaja tidak mencukupi untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes perceraian. Jawatankuasa turut mencadangkan supaya urusan penyediaan

surat-surat Tauliah bagi hakim-hakim dan pendaftar-pendaftar yang akan dilantik dipercepatkan bagi membolehkan pegawai-pegawai terbabit mengendalikan kes-kes di mahkamah khususnya yang masih lagi tertangguh.

- c. Antara punca lain kelewatan adalah ketidakhadiran pihak yang dituntut. Waran-waran tangkap yang dikeluarkan oleh Mahkamah terhadap pihak yang tidak hadir, menambah lagi kekusutan yang sedia ada apabila tidak dapat dilaksanakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama dan pihak polis. Suatu persepakatan perlu dibuat antara pihak Mahkamah dan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam bagi membolehkan

waran/perintah/ arahan yang dikeluarkan oleh Mahkamah dapat dilaksanakan dengan segera terutamanya bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat hadir semasa tarikh perbicaraan ditetapkan.

- d. Bidangkuasa Mahkamah Rayuan Syari'ah berkenaan kes-kes tuntutan penceraian perlu diperjelaskan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kes-kes yang boleh dirayu. Prosedur rayuan ke Mahkamah yang lebih tinggi perlu juga dikaji semula bagi mengelakkan pihak-pihak menyalahgunakannya bagi tujuan melewati-lewatkan penyelesaian kes atau atas tujuan membalas dendam terhadap pihak yang satu lagi.

BAGAIMANA HISAB MENEPATI KEHENDAK SYARAK?

Oleh: Tuan Hj. Zainal Abidin bin Hj. Kusmin

1. PENDAHULUAN.

Pencerapan hilal memperkatakan tentang perhitungan posisi bulan dan matahari, kriteria kenampakan hilal serta berhasilnya atau tidak pencerapan yang dilaksanakan. Pencerapan tertakluk kepada kesesuaian lokasi pencerap, persekitaran ufuk, tempat cerapan dan waktu bermulanya hilal mula boleh dicerap.

Pencerapan hilal atau disebut rukyah hilal (رؤية الهلال) telah diperkatakan di dalam banyak kitab-kitab feqah yang ditulis oleh ulama'-ulama' muktabar di zaman awal perkembangan Islam dan zaman seterusnya. Cerapan yang menepati matlamat akan menentukan bermulanya bulan baru seperti bulan Ramadhan, Syawwal, Zulhijjah dan sebagainya. Dalam membincangkan tajuk di atas, tiga perkara utama perlu dihuraikan iaitu apa yang dimaksudkan dengan pencerapan hilal dan thabit bermulanya bulan baru, peralatan moden dan bagaimana ia berfungsi serta perspektif syariah dari segi perkembangan hukum dan zaman.

2. Pencerapan Hilal (Rukyah Hilal).


Pencerapan hilal dan kaedahnya dalam kitab-kitab feqah tidak banyak menyentuh penggunaan peralatan moden secara terperinci. Ini disebabkan peralatan moden baru sahaja wujud pada zaman ini yang mana kewujudannya tidak terdapat pada zaman awal perkembangan Islam.

Teropong optik baru diperkenalkan dengan penggunaan teropong yang dirintis oleh Galileo Galilei pada awal abad yang ke 17. Penemuan ini telah banyak menyingkap rahsia alam semesta. Disamping itu juga, penggunaan alat fotografi bagi merakam hilal banyak membantu dalam pengamatan dan penyelidikan bulan serta objek langit lain.

3. Dalil dan Pandangan Fuqaha'.

Perbezaan pandangan fuqaha' berkaitan pencerapan hilal dan cara penentuan thabitnya bulan baru berasaskan perbezaan dalam pemahaman beberapa dalil hadith Rasulullah s.a.w.:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى قَالَ قَرَأْتُ عَلَى مَالِكٍ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ أُغْمِيَ عَلَيْكُمْ فَاذْكُرُوا لَهُ



Sahibus Samahah Dato' Seri Utama DiRaja Muli Negeri Selangor sedang mengesahkan kenampakan anak bulan

Tidak kurang daripada lima *hadith* lain yang berakhir dengan *فَاقْدُرُوا لَهُ*

ii. حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَعَاذٍ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ زَيْدٍ قَالَ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صُومُوا لِرُؤْيَيْهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَيْهِ فَإِنْ غَمِيَ عَلَيْكُمْ الشَّهْرُ فَعِدُّوا ثَلَاثِينَ.

Beberapa *hadith* lain berakhir dengan *atau فَعِدُّوا ثَلَاثِينَ* *iaitu dihitung bulan yang tersebut tiga puluh hari sekiranya langit mendung.*

Dalam pentafsiran *hadith-hadith* di atas, terdapat aliran pandangan ulama:

i. قال ابن سريج وجماعة منهم مطرف بن عبد الله وابن قتيبة وآخرون معناه قَدَرُوهُ بحساب المنازل.

iaitu menentukannya berpandukan hisab perhitungan kedudukan hilal.

ii. وَذَهَبَ مَالِكٌ وَالشَّافِعِيُّ وَأَبُو حَنِيفَةَ وَجُمْهُورُ السَّلَفِ وَالْخَلْفَ إِلَى أَنْ مَعْنَاهُ قَدَرُوا لَهُ تَمَامَ الْعَدَدِ ثَلَاثِينَ يَوْمًا.

iaitu menentukannya dengan cara menggenapkan bilangan hari bulan tersebut tiga puluh hari.

Adapun bersepakat *jumhur ulama'* pada zaman tersebut menerima maksud *hadith* dengan menggenapkan tiga puluh hari bulan tersebut. Ini adalah kerana pada masa itu hisab perhitungan hanya diketahui oleh sebilangan kecil kelompok umat Islam dan ini sudah tentu memberati umat Islam.

Maka sekiranya diteliti punca (illah) ini, zaman kita sekarang ini sudah berkembang maju ilmu falak dan astronomi yang berteraskan hisab (perhitungan) dan golongan ini sudah ramai dalam masyarakat. Permasalahan zaman perkembangan awal Islam tersebut sudah tentu tidak lagi memberati umat Islam mas kini kerana kemajuan hisab dan peralatan moden.

Aliran pandangan *fuqaha'* dalam hal ini dipetik dalam para berikut:-

وَأَنَّ عَمَّ عَلَيْهِمُ الْهِلَالَ وَعَرَفَ رَجُلٌ الْحِسَابَ وَمَنَازِلَ الْقَمَرِ وَعَرَفَ بِالْحِسَابِ أَنَّهُ مِنْ شَهْرِ رَمَضَانَ؟ فَقَالَ أَبُو الْعَبَّاسِ: يَلْزِمُهُ الصَّوْمُ، لِأَنَّهُ عَرَفَ الشَّهْرَ بِدَلِيلٍ، فَأَشْبَهَ إِذَا عَرَفَ بِالْبَيْتِ وَالثَّانِي، لَا، لَا تَعْبُدُ إِلَّا بِالرُّؤْيَى.

Petikan para di atas menyatakan pandangan Abu Al-Abbas yang berijtihad bahawa *thabitnya* awal bulan Ramadhan jika sekiranya terlindung hilal dan mengikut ahli hisab dan falak hilal wujud di langit dan boleh dicerap.

Perutusan Rasulullah s.a.w. ditengah masyarakat Arab dengan tujuan mengeluarkan masyarakat daripada akidah penyembahan berhala kepada akidah tauhid, daripada buta huruf (*ummiy*) dan tidak tahu menghitung (*hisab*) kepada masyarakat bertamadun. Inilah tujuan syaria Islamiyah (*maqasid syaria*) dalam pembentukan *ummah*.

والحساب المعروف في عصرنا هذا يُقَدُّ الْعِلْمَ الْقَطْعِيَّ كَمَا تَقَدَّمَ وَبِمَكْنَى لِأَمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَأَمْرَاهِمُ الَّذِينَ ثَبَتَ ذَلِكَ عَنْهُمْ أَنْ يَصْدُرُوا حُكْمًا بِالْعَمَلِ بِهِ قَيْصِرُ حُجَّةٍ عَلَى الْجُمْهُورِ. وَهَذَا أَصَحُّ مِنَ الْحُكْمِ بِإِثْبَاتِ الشَّهْرِ بِكَمَالِ عِدَّةِ شُعْبَانَ ثَلَاثِينَ يَوْمًا مَعَ عَدَمِ رُؤْيَى الْهِلَالِ لَيْلَةَ الثَّلَاثِينَ وَالسَّمَاءِ صَحْوًا لَيْسَ فِيهَا سَحَابٌ يَنْعِقُ الرُّؤْيَى، فَإِنَّ هَذَا مُخَالَفٌ لِتُصُوصِ الْأَحَادِيثِ الصَّحِيحَةِ (وَكَذَا الْحُكْمُ بِرُؤْيَى الْوَاحِدِ الْهِلَالِ لِأَنَّ شَهَادَةَ الْوَاحِدِ ظَنِّيَّةٌ وَإِنْ كَانَ عَدْلًا لَكِنَّهُ مَا يُعْرَضُ فِيهَا مِنَ الْخَطِ وَالْوَهْمِ الَّذِي ثَبَتَ بِالْقَطْعِ كَشَهَادَةِ بَعْضِ الْعُدُولِ بِرُؤْيَى الْهِلَالِ بَعْدَ غُرُوبِ الشَّمْسِ كَاسِفَةً. - تفسير المنير.

Pandangan *fuqaha'* dalam keharusan menggunakan hisab sebagai ilmu yang *qatie* di dalam pencerapan hilal dan penentuan jatuhnya (*thabit*) bulan seterusnya berpandukan hisab kedudukan hilal yang boleh dicerap. Maka dari konsep penerimaan kaedah hisab ini kita menerima pakai syarat kebolehnampakan hilal *iaitu* Imkannur rukyah sebagaimana yang telah diamalkan dinegara kita.

Sekian.

Mutiara Kata

Suatu bangsa itu akan dapat bertahan selama mereka masih memiliki akhlak, mereka akan hancur habis-habisan, apabila akhlak mereka telah rosak.

(Sauki Bey)

GAMBAR SEKITAR SEMINAR PERUNDANG SEMPENA ULANG TAHUN HARI KE

Kerajaan Negeri Selangor, Institut Kefahaman Isl



2



1



3



4



5



6

1. Titah perasmian Seminar Perundangan Syariah oleh DYMM Sultan Selangor di Istana Alam Shah, Klang.
2. Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor menyampaikan cenderamata kenangan kepada DYMM Sultan Selangor.
3. Ketua Pengarah IKIM menyampaikan cenderamata kenangan kepada DYMM Sultan Selangor.
4. Ashabus Samahah Mufti-mufti dan isteri, bergambar kenangan bersama DYMM Sultan Selangor. Turut serta YAB Dato' Menteri Besar Selangor, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Y.Bhg. Ketua Pengarah IKIM.
5. DYMM Sultan Selangor berkenan menyampaikan cenderahati kepada Mufti-mufti Negeri.
6. YAB Dato' Menteri Besar Selangor menghadiri Majlis Makan Malam bersama Ashabus Samahah Mufti-mufti dan merasmikan Majlis Persidangan Mufti-mufti Seluruh Malaysia.

AN SYARIAH PADA 9 – 11 DISEMBER 2003


ITERAAN DYMM SULTAN SELANGOR

ran:

n dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Selangor



7. Persidangan Mufti-mufti Seluruh Malaysia yang dipengerusikan oleh Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor di Hotel Concorde, Shah Alam.
8. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor menyampaikan kertas kerja Seminar Perundangan Syariah kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor.
9. Para pembentang kertas kerja yang dijemput dalam Seminar Perundangan Syariah ketika sesi soal jawab.
10. Tetamu yang hadir di Majlis Santapan Malam dan Perasmian Seminar Perundangan Syariah di Istana Alam Shah, Klang.
11. Ashabus Samahah Mufti-mufti bergambar kenangan ketika mengadakan lawatan ke Kompleks Taman Seni Islam Selangor, Shah Alam.
12. Para peserta yang hadir dalam Seminar Perundangan Syariah.



Kemusykilan Agama

Soal Jawab Agama Mengenai Isu-isu Semasa

Soalan 1

Apakah pandangan Islam mengenai jamuan yang biasa dilakukan oleh keluarga si mati terhadap orang ramai yang mengunjungi jenazahnya?

Jawapan :

Amalan seperti itu adalah merujuk kepada adat orang Melayu yang suka menjamu kepada tetamunya. Menurut pengajaran Islam, hendaklah orang ramai, jiran tetangganya atau saudara maranya menyediakan makanan dan minuman untuk keluarga si mati yang sudah tentu berada dalam keadaan sedih dan berdukacita di atas kematian orang yang dikasihinya. Perintah berbuat demikian amat tepat sekali sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

اصْنَعُوا لِأَهْلِ جَعْفَرٍ طَعَامًا فَإِنَّهُ قَدْ جَاءَهُمْ مَا يُشْغِلُهُمْ
(رواه الترمذي)

Maksudnya : "Buatlah oleh sekalian kamu untuk keluarga Jaafar akan makanan maka sesungguhnya telah datang kepada mereka apa yang membimbangkan mereka".

(Riwayat At-Tarmizi)

Soalan 2

Apakah hukum ke atas orang yang mati, sedangkan ia masih ada beberapa hari puasa yang belum diqada'kan?

Jawapan :

Dalam hal ini, waris kepada keluarga si mati boleh menyelesaikan hutang puasa si mati dengan dua pilihan. Pertama, dengan mengeluarkan fidyah iaitu secupak beras diberi kepada orang miskin mengikut jumlah puasa yang ditinggalkan. Ini bermaksud jika ada 5 hari baki puasa yang ditinggalkan maka waris keluarga tersebut hendaklah mengeluarkan fidyah sebanyak 5 cupak beras kesemuanya. Cara yang kedua, dengan berpuasa oleh warisnya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صَوْمٌ صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ
(متفق عليه)

Maksudnya : "Siapa yang mati dan di atasnya ada puasa yang ditinggalkan, nescaya berpuasa untuknya oleh warisnya".

(Muttafaq 'alaih)

Soalan 3

Jika terjumpa wang / barang berharga di jalanraya atau di tempat awam, adakah ianya boleh digunakan?

Jawapan :

Wang / barang tersebut boleh digunakan dengan syarat hendaklah diisytiharkan terlebih dahulu di tempat awam dalam tempoh satu tahun dengan tujuan mencari pemiliknya. Dalam hal ini, wang / barang berharga yang dijumpai tercicir di jalanan dinamakan barang *نَقْطَةٌ*. Jika pemiliknya tidak dijumpai maka wang tersebut boleh digunakan dengan niat kalau ada pemiliknya yang menuntut orang yang menggunakan sedia menggantinya. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w:

إِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا وَالْأَمْلَكُنْ وَدِيعَةٌ عِنْدَكَ
(رواه البخاري)

Maksudnya : " (Serahkan barang tercicir kepada pemiliknya) kalau ia datang menuntut, kalau tidak ada yang menuntut, barang itu menjadi amanah di tangan engkau".

(Riwayat Bukhari)

Soalan 4

Jika melakukan aqiqah seekor lembu, dagingnya tidak dimasak semua kerana terlalu banyak. Bolehkah diagih-agihkan daging yang telah masak dan yang masih mentah?

Jawapan :

Dibolehkan, tetapi memasak daging aqiqah sebelum disedekahkan adalah lebih afdal dan hukumnya adalah sunat. Daging aqiqah juga sunat disedekahkan kepada bidan yang menyambut kelahiran bayi berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. terhadap aqiqah yang telah dilakukan oleh Fatimah untuk anaknya Hasan dan Husin :

أَنْ يَبْعُوهُ إِلَى الْقَابِلِ رَجُلٍ وَكَلُوا وَأَطْعَمُوا وَلَا تَكْسِرُوا مِنْهَا عَظْمًا
(رواه أبو داود)

Maksudnya : "Hendaklah kamu hantarkannya kepada mak bidan melalui seseorang. Makan lah kamu serta jamukan dan jangan kamu patahkan tulang-tulangnya satu pun".

(Riwayat Abu Daud)

Soalan 5

Apakah hukum memakan sembelihan orang Yahudi dan Nasrani?

Jawapan :

Pada prinsip asalnya hukum memakan sembelihan ahli kitab adalah harus. Ianya ijma' para ulama' berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Maidah ayat 5:

...وَمَا أَكَلُوا مِنْ دُونِ الْكِتَابِ حَلَّ لَكُمْ وَطَعَانُكُمْ حَلَّ لَهُمْ

Maksudnya :

"Dan makanan (sembelihan) orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka)

Dalam hal ini, menurut pendapat As-Sheikh Tantawi dari Azhar, orang Islam haram memakan sembelihan orang Yahudi dan Nasrani kerana ahli kitab pada hari ini sudah terputus agamanya dengan ahli kitab Nabi Musa dan Isa a.s. Ini memungkinkan mereka menyebut selain dari nama Allah semasa melakukan sembelihan seperti orang Nasrani yang menyebut nama al-Masih atau orang Yahudi yang menyebut nama Uzair, maka jumhur ulama' berpendapat binatang sembelihan itu tidak halal dimakan berasaskan firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Maidah ayat 3 :

وَمَا أَهْلَ لغيرِ اللَّهِ بِهِ

Maksudnya :

"Dan binatang-binatang yang disembelih kerana selain dari nama Allah"

Mutiara Kata

Sabar itu ada empat macam;

- a) Sabar dalam taat. b) Sabar dalam menahan diri dari berbuat maksiat. c) Sabar dalam menahan diri dari godaan dunia. d) Sabar menderita terhadap cubaan dan musibah yang datangnya dari Allah.

(Imam Ghazali)

RESOLUSI SEMINAR PERUNDANGAN SYARIAH

**"KE ARAH MEWUJUDKAN KERANGKA PERUNDANGAN SYARIAH YANG LEBIH LENGKAP DI
DALAM SEBUAH NEGARA ISLAM: KES MALAYSIA"**

10 DISEMBER 2003

HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM

A. MAKLUMAT:

1. Terdapat beberapa institusi pentadbiran Islam telah ditubuhkan di Malaysia pada zaman pra-penjajahan British. Institusi itu adalah Shaykh al-Islam atau mufti, yang mempengerusikan majlis mesyuarat ulama yang dikenali kemudiannya sebagai Jemaah Ulama atau Jawatankuasa Fatwa Negeri. Kedua-duanya berfungsi sebagai penasihat kepada kadi, sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah.
2. Pentadbiran Undang-Undang Islam sebelum merdeka dijalankan oleh Sultan sebagai Ketua Agama Negeri dan dibantu oleh beberapa Orang Besar Negeri.
3. Kebanyakan negeri-negeri di Malaysia sehingga tahun 1948 tidak memiliki perlembagaan atau undang-undang sendiri. Negeri-negeri ini hanya dapat membentuk perlembagaan sendiri secara lebih kukuh dan tegas apabila proses kemerdekaan dilakukan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
4. Sekalipun kesan penjajahan British mengakibatkan penyempitan amalan Undang-Undang Islam di Malaysia, akan tetapi peruntukan-peruntukan perlembagaan yang ada sekarang ini masih mempunyai ruang yang luas untuk mengembangkan pengamalan Undang-undang Islam sepertimana sebelum kedatangan penjajah British.
5. Terdapat beberapa mekanisme dan saluran bagi menyediakan bentuk perundangan Islam. Amalan yang dilaku-kan adalah dengan menyerahkan tugas mendraf undang-undang kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivill Kebangsaan yang telah lama diwujudkan.
6. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengemukakan cadangan supaya penyelesaian dan penyeragaman Undang-undang Islam negeri-negeri dibuat melalui Majlis Raja-raja.
7. Mahkamah Syariah belum lagi mempunyai bidang kuasa eksklusif dan undang-undang yang dipakai oleh Mahkamah Syariah masih belum lengkap sepenuhnya. Masa diperlukan untuk menyediakan undang-undang yang lebih lengkap.
8. Penubuhan institusi Perbankan Islam, Rahn dan Takaful - pelaksanaan Islam telah maju ke hadapan berbanding dengan sesetengah negara Islam lain. Pihak Bank Negara ketika memperkenalkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTK) telah menggariskan garis panduan dan produk-produk mengikut prinsip-prinsip Muamalah Islam. Prinsipnya iaitu Mudharabah, Musyarakah, Bai al- salam dan seumpamanya.
9. Mahkamah Sivill mempunyai bidang kuasa dalam pertikaian yang timbul mengenai perbankan Islam dan tiada undang-undang muamalah bertulis ini boleh menimbulkan kerumitan kepada mahkamah dalam memberi keputusan yang tepat mengenai hukum syarak. Jika hanya bergantung kepada pandangan ulama fiqh yang berbagai mazhab akan menimbulkan ketidakpastian mazhab yang mana hendak dipakai. Lebih-lebih lagi tiada hakim di Mahkamah Sivill yang mengendalikan kes seperti ini yang pakar dalam perundangan Islam.
10. Kajian mengenai sebatan dibuat di beberapa negara Islam yang melaksanakan hukuman sebatan seperti Arab Saudi, Sudan dan United Arab Emirates (UAE). Ini penting kerana sebatan yang dilaksanakan di penjara sekarang tidak menepati kehendak syarak dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984 ada memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman 6 sebatan. Satu prosedur mengenai sebatan perlu diadakan.

B. CADANGAN

1. Perpaduan umat Islam harus dikekalkan supaya dapat menyumbang ke arah kemajuan dan kesejahteraan ummah.
2. Mekanisme yang boleh dilaksanakan dengan berkesan bagi maksud penyelarasan Undang-undang Islam jika hanya mendapat kerjasama dan persetujuan daripada negeri-negeri dengan menerima pakai undang-undang tersebut tanpa apa-apa pindaan dan pengubahsuaian.

3. Fatwa yang hendak dikeluarkan mestilah melalui prosedur yang telah ditentukan dan dibuat secara berhati-hati supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Ia juga perlulah bersifat tidak bertentangan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh satu-satu negeri yang lain sekalipun masing-masing negeri mempunyai sistem pentadbiran yang tersendiri.
4. Fatwa yang telah diputuskan dan diwartakan adalah peraturan dan undang-undang yang mengikat orang ramai terutama kepada mustafti (orang yang memohon fatwa) untuk mematuhi.
5. Langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan Undang-Undang Islam di Malaysia termasuklah :
 - a. Mewujudkan institusi kajian yang berautoriti. Kajian yang dibuat akan menganalisis dan menyimpulkan:
 - i. Asas-asas perundangan Islam yang dapat dilaksanakan dan sesuai dipakai oleh sesebuah negara kerana dalam syari'ah, terdapat perbezaan pandangan di kalangan fuqaha' dalam isu-isu tertentu terutama apabila sesebuah negara terikat dari sudut amalan masyarakatnya dengan mazhab fiqh yang tertentu.
 - ii. Undang-undang yang diamalkan dalam masyarakat sama ada ia tidak bercanggah dengan syari'ah dan perlu dikekalkan atau ia bercanggah dengan syari'ah dan perlu dihapuskan. Sehubungan itu, undang-undang yang sesuai dengan masyarakat setempat dapat digubal. Badan yang melaksanakan tugas ini telah pun wujud di beberapa negara seperti Pakisatan (Islamic Ideology Council) dan Sudan (Majma' al-Fiqh).
6. Membina kesedaran masyarakat tentang kepentingan Undang-Undang Islam.
 - a. Kesedaran ini dapat diwujudkan melalui saluran yang rasmi seperti kurikulum pendidikan terutama di peringkat menengah dan pengajian tinggi dan juga saluran yang tidak rasmi seperti media cetak dan elektronik seperti akhbar, majalah, radio, televisyen, seminar, wacana ilmiah, khutbah Jumaat dan sebagainya.
7. Menggubal Undang-Undang Islam melalui Akta dan Statut
 - a. Khazanah perundangan Islam amat banyak dalam kitab-kitab fiqh yang terdiri daripada empat mazhab iaitu Maliki, Hanafi, Shafi'e dan Hanbali. Dalam pelaksanaan sesuatu undang-undang, rujukan terhadap kitab-kitab ini mungkin melibatkan tempoh masa yang amat panjang. Adalah lebih praktikal sekiranya undang-undang Islam digubal dalam bentuk kanun dan bersifat menyeluruh serta meliputi : perlembagaan, jenayah, sivil, prosedur, keterangan dan sebagainya.
Perbahasan : Kewajaran penggubalan dan kodifikasi undang-undang menimbulkan pertikaian di kalangan setengah-setengah pihak. Mereka berpendapat bahawa amalan ini dipengaruhi oleh tradisi perundangan barat dan tidak diamalkan oleh 'ulama' terdahulu. Kadi boleh merujuk kitab-kitab fiqh untuk menyelesaikan kes yang dikemukakan.
Rasional/Justifikasi : Langkah ini akan mengikat kebebasan hakim untuk berijtihad dalam memutuskan sesuatu kes. Penolakan terhadap penggubalan dan kodifikasi undang-undang ini sebenarnya tidak berasaskan bukti-bukti yang kukuh. Dalam tradisi Islam, usaha kodifikasi ini telah wujud dalam sejarah keilmuan Islam seperti dalam al-Qur'an, Hadith dan Perlembagaan Madinah. Justeru, kaedah qiyas dan maslahah boleh digunakan untuk menjadi asas bagi keharusan usaha pengkodifikasian undang-undang.
8. Pengkanunan undang-undang harus menekankan beberapa perkara yang berikut :
 - a. Pemerintah mempunyai autoriti untuk menentukan mazhab tertentu atau pendapat faqih tertentu untuk diguna pakai di sesebuah negara. Hak ini berada di bawah peruntukan maslahah, iaitu dalam kaedah fiqh yang memperuntukkan, "Pemerintah (imam) mempunyai hak autoriti ke atas rakyatnya berdasarkan maslahah".
 - b. Pemerintah mempunyai hak untuk memilih pendapat yang difikirkan mempunyai alasan yang lebih kuat dan lebih sesuai untuk dikuatkuasakan ke atas rakyatnya.
9. Kebaikan dan manfaat usaha pengkodifikasian undang-undang termasuklah :
 - a. Dapat meringkaskan undang-undang dan pandangan fuqaha' dalam satu mazhab atau mazhab yang berbeza dan ia dapat dilaksanakan dalam masyarakat.
 - b. Menentukan keperluan hukum syarak untuk keperluan pelaksanaan yang dapat mendatangkan manfaat kepada masyarakat di sesebuah tempat dan pada sesuatu masa.
 - c. Menyeragamkan kehidupan umat Islam berasaskan undang-undang yang sama dan berdasarkan autoriti fiqh yang kukuh.
 - d. Memberikan kuasa kepada pihak berkuasa untuk melaksanakan serta menguatkuasakan undang-undang manakala rakyat boleh ditetapkan supaya mematuhi serta mengamalkannya.

- Malah, pihak berkuasa seperti pemerintah dapat memantau pelaksanaan sesuatu undang-undang.
- e. Memudahkan fuqaha' dan pengamal undang-undang untuk membuat ulasan dan perbandingannya dengan pendapat-pendapat yang lain dan memudahkan pengamal undang-undang serta pelajar membuat kajian, menganalisis selain mempelajarinya dengan mendalam.
 - f. Memudahkan hakim untuk melaksanakan undang-undang kerana tidak perlu merujuk sumber-sumber fiqh yang terlalu banyak.
 - g. Mengurangkan percanggahan pendapat dan keputusan kes yang diputuskan oleh hakim.
 - h. Membantu dan memudahkan masyarakat awam untuk memahami undang-undang yang dikuatkuasakan dalam negara tanpa perlu merujuk sumber-sumber fiqh yang banyak.
 - i. Memberikan pilihan kepada pemerintah untuk menjadikan undang-undang Islam yang dikodifikasikan sebagai asas pentadbiran keadilan negara dan mengelakkan pemerintah mengambil undang-undang asing yang sedia ada.
10. Penerimaan masyarakat bukan Islam tentang perundangan dan hukum Islam ini banyak berpunca daripada pemahaman yang tidak jelas, ketakutan akan diskriminasi agama dan perasaan tidak yakin dengan pelaksanaannya.
 11. Apa yang penting ialah satu pemahaman yang jelas dan pasti di kalangan umat Islam sendiri dan kesatuan mereka tentang isu seperti kaedah yang sebenarnya patut dipakai untuk pelaksanaan undang-undang Islam.
 12. Kesepakatan masyarakat Muslim dan pemahaman konsep yang jelas adalah kunci utama kejayaan pelaksanaan undang-undang syariah. Kesatuan dan kesungguhan masyarakat Islam di dalam melaksanakan hukum syariah dalam bidang kewangan adalah contoh terbaik pendekatan kita untuk memancing penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap aspek-aspek hukum syariah yang lain.

Disediakan oleh:

Bahagian Istihsat, Jabatan Mufti Selangor

Kisah Tauladan

KHALIFAH YANG MISTERI

Pada suatu malam hartawan Abdurrahman bin Auf dipanggil oleh Khalifah Umar bin Khattab untuk diajak pergi ke pinggir kota Madinah.

"Malam ini akan ada serombongan kafilah yang hendak bermalam di pinggir kota, dalam perjalanan pulang," kata Khalifah Umar kepada Abdurrahman bin Auf.

"Lalu maksud anda bagaimana?" Tanya Abdurrahman.

"Oleh kerana kafilah itu membawa barang dagangan yang banyak, maka kita turut bertanggungjawab atas keselamatan barangan tersebut daripada gangguan tangan usil. Jadi malam nanti kita harus bersama-sama mengawal mereka," sahut Khalifah Umar.

Ajakan itu disambut gembira oleh Abdurrahman. Bahkan dia sudah mempersiapkan dirinya untuk berjaga semalam suntuk! Tetapi apa yang terjadi di sana? Ternyata lain daripada apa yang diduganya.

Ketika malam telah mulai sepi, Khalifah Umar bin Khattab berkata padanya. "Abdurrahman...kau boleh tidur! Biarlah saya yang berjaga. Nanti kalau ada apa-apa kau saya bangunkan".

Adakah Abdurrahman lantas berangkat tidur, tidak diceritakan. Tetapi yang nyata, Khalifah Umar bin

Khatab betul-betul menjadi 'penjaga malam'. Khalifah Umar bin Khattab memang seorang pemimpin yang suka melakukan perbuatan-perbuatan yang aneh. Bahkan sering melakukan perbuatan yang baik secara diam-diam. Akibatnya, orang yang ditolongnya tidak tahu, bahawa penolongnya adalah khalifah yang mereka cintai.

Pada suatu malam Auza'iy ternampak Khalifah Umar masuk ke rumah seseorang. Ketika keesokan harinya dia datang ke rumah itu, ternyata penghuninya seorang wanita tua yang buta dan sedang menderita sakit. Wanita tersebut menceritakan bahawa setiap malam akan ada orang datang menghantar makanan dan ubat-ubatan ke rumahnya.

Di suatu malam yang lain pula, Khalifah Umar berjalan-jalan di pinggir kota. Tiba-tiba didengarnya rintihan seorang wanita dari dalam sebuah khemah yang kumal. Ternyata yang merintih itu seorang wanita yang hendak melahirkan anak. Di sampingnya, duduk suaminya yang dalam keadaan kebingungan. Maka pulanglah Khalifah Umar ke rumahnya untuk membawa isterinya, Ummu Katsum untuk menolong wanita yang akan melahirkan anak itu.

Tetapi wanita yang ditolongnya itupun tidak tahu ... bahawa orang yang menolong dirinya adalah Khalifah Umar, Amirul Mukminin yang mereka cintai...

FATWA TENTANG HUKUM PENGKLONAN PEMBIAKAN MANUSIA DAN PERUBATAN DARI SUDUT SYARIAH

1. Menurut Hussain Fadhullah dalam bukunya al-Istisakh; Jadal al-Ilmi wa al-Akhlaq, menyatakan pengklonan adalah pembentukan makhluk bernyawa sama seperti kejadian asal dan dari segi bentuknya ia seperti kembar.
2. (i) Pengklonan janin atau embrio (*embryo cloning*); dan
(ii) Pengklonan dengan menggunakan teknik pemindahan nukleus (*nucleus transfer technology*).
3. Hukum pengklonan pembiakan manusia dan perubatan adalah haram. Ini adalah berdasarkan hujah seperti berikut:

Sudut Aqidah

- (i) Pengklonan akan menyebabkan wujudnya pertentangan terhadap tujuan Allah S.W.T menjadikan manusia serta meningkatkan darjat mereka kepada sebaik-baik kejadian. Ini dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya, (*bermaksud*): "Dan Dialah yang menciptakan manusia daripada air, lalu dijadiakannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan); dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendaki-Nya)." (*Al - Furqan :54*)
- (ii) Perbuatan pengklonan lebih dilihat kepada usaha manusia untuk bertindak di luar daripada peraturan yang telah ditentukan Allah S.W.T iaitu kelahiran manusia atau keturunannya melalui perkahwinan. Ia juga sebagai satu usaha manusia untuk keluar daripada peraturan hidup yang dicipta oleh Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T. (*bermaksud*): "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya." (*Surah At - Tin:4*)
- (iii) Perbuatan pengklonan akan menyebabkan manusia merasai dirinya mempunyai kuasa dan mampu untuk mencipta serta menentukan kejadian manusia lain menurut kehendak dirinya. Kepercayaan seperti ini bertentangan dengan akidah Islam yang menyakini bahawa hanya Allah S.W.T sahajalah yang mempunyai kekuasaan dan kehendak dalam menentukan apakah nasib yang akan menimpa diri seseorang dari alam rahim sehinggalah hari kematiannya.

Sudut Syariat

- (iv) Manusia tidak harus dijadikan bahan percubaan sepertimana yang dilakukan kepada tumbuhan-tumbuhan, binatang dan batu-batuan. Ini kerana Allah S.W.T telah memuliakan serta mengangkat darjat manusia melebihi makhluk-Nya yang lain. Kejadian manusia bermula daripada tanah kemudian ditiupkan roh sehinggalah sempurna kejadiannya. Mereka kemudian dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas agama. Justeru, pengklonan manusia sebagaimana yang dilakukan ke atas binatang akan menjadikan manusia sama seperti binatang sedangkan Allah S.W.T menjadikan manusia dengan sempurna dan manusia diberi tanggungjawab untuk mentadbir dunia ini dengan sebaik-baiknya.
- (v) Pengklonan manusia akan mengganggu sistem keturunan dan kesucian sistem kekeluargaan. Anak yang dilahirkan daripada kasih sayang ibu dan bapa akan merjaga urusan hidup dan tempat pergantungannya, sebaiknya anak yang dilahirkan daripada pengklonan boleh meruntuhkan sistem kekeluargaan.
- (vi) Pengklonan juga membuatkan seorang wanita tidak memerlukan lelaki dan seorang isteri tidak memerlukan suami, kerana wujudnya perasaan dia boleh melahirkan anak tanpa perlu kepada perkahwinan dan pembentukan keluarga. Jika ini berlaku keluarga yang akan terbentuk pasti berbeza daripada keluarga yang telah wujud selama ini. Dengan itu akan lahirlah satu keadaan hidup masyarakat yang luar daripada fitrah manusia dan alam.
- (vii) Bagi wanita yang tidak berkahwin, kebenaran penggunaan kaedah ini untuk membolehkan mereka mendapatkan anak juga tidak boleh dibenarkan. Ia akan menambahkan masalah ibu tunggal dan menidakkan hak seseorang anak untuk mendapatkan kasih sayang seorang ayah. Paling ditakuti, kaum lelaki tidak lagi diperlukan kerana pembiakan tidak lagi kepada sperma. Perhubungan seksual akan dijadikan bahan permainan hanya untuk memenuhi nafsu manusia.
- (viii) Anak yang diklon bukanlah dilahirkan dari perkahwinan yang sah. Ia tidak mempunyai bapa yang sepatutnya bertanggung-jawab memberi nafkah kepada anak tersebut.

- (ix) Dari segi perwalian nikah, keadaan ini akan menjadi rumit ketika anak tersebut akan berkahwin. Siapakah yang sepatutnya menjadi wali nikahnya jika anak tersebut perempuan. Bagaimana pula hubungannya dengan kerabat yang lain seperti adik beradik, ipar dan sebagainya. Apakah batas pergaulan yang sepatutnya antara anak klon dengan bukan mahramnya.
- (x) Dari segi nasab anak klon juga akan menghadapi masalah yang sama. Anak klon tidak dapat diangkat menjadikan anak sendiri.

- (xi) Dari segi pusaka, anak pengklonan tidak ada hubungan darah dan kerabat yang sebenarnya tidak berhak mendapat pusaka atau menjadi sebab untuk dia memperoleh warisan. Tidak ada ukuran syarak yang boleh dibuat kepada anak klon bagi membolehkannya memperoleh harta pusaka.

* Fatwa ini telah diwartakan pada 24 Julai 2002

Keputusan Fatwa Negeri Selangor

FATWA UNTUK HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM DAN NON MUSLIM

1- Diwajibkan zakat bahagian muslim sahaja bagi syarikat yang bercampur antara pemegang saham muslim dan non muslim.

2- Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut : Para ulama' dari kalangan Sahabat, Tabi'in dan Fuqaha' telah bersepakat bahawa pemilik syarikat-syarikat perniagaan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan dalil-dalil seperti berikut ;

(a) Surah Al-Baqarah ayat 267 Firman Allah S.W.T. (Maksudnya):

"Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang kami keluarkan untuk kamu dari bumi....."

(b) Sabda Rasulullah S.A.W., (Maksudnya):

"Tidak dihipunkan di antara yang berpisah dan tidak dipisahkan di antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat"

(c) Sabda Rasulullah S.A.W. lagi, (Maksudnya):

"Daripada Samrah katanya : "Adalah Rasulullah S.A.W. menyuruh kamu mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang disediakan untuk jual beli."

(Riwayat Abu Daud)

(d) Ijma' sahabat iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Ubai dengan sanad daripada Abd. Al-Qari katanya, "Ketika aku menjaga Baitulmal di zaman Umar Al-Khattab apabila beliau hendak harta-harta perniagaan tersebut kemudian diambil zakat daripada harta-harta tersebut".

(e) Para ulama' Islam bersepakat mengatakan bahawa zakat wajib ke atas individu Muslim yang baligh, berakal dan merdeka yang cukup haul dan nisab. Ini bererti zakat tidak wajib ke atas orang bukan Islam berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas, sabda Nabi S.A.W. (Maksudnya) :

"Bahawasanya Rasulullah S.A.W. ketika mengutuskan Muaz ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, dan jika mereka mentaatimu mengenai perkara tersebut maka beritahukah kepada mereka bahawa Allah memfardhukan k etas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaati-Mu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya dikalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir di kalangan mereka."

* Fatwa ini telah diwartakan pada 24hb. Julai 2002

RAHSIA DAN NIKMAT DI SEBALIK ERTI KESABARAN

Oleh: Tuan Hj. Zainal Abidin bin Sulaiman

Pendahuluan

Sabar adalah suatu tuntutan dalam agama dan merupakan satu ibadah. Malah segala ibadat itu didirikan di atas sifat sabar, kerana dalam mengerjakan ibadat itu kita terpaksa menghadapi rintangan dan memerlukan pengorbanan.

Dalam segala lapangan, kita perlu bersabar dan menangani segala kesukaran dan rintangan yang dihadapi. Orang yang gagal bersabar tidak akan tercapai matlamat dan manfaat ibadatnya.

Kesabaran itu harus meliputi empat tindakan, iaitu:

- tabah dan tekun dalam mengerjakan taat atau ibadat kepada Allah;
- menahan diri daripada melakukan maksiat atau kemungkaran;
- memelihara diri daripada dipukau oleh godaan dunia, ajakan nafsu dan bisikan syaitan;
- tenang / teguh hati menghadapi cubaan atau musibah.

Tujuan kesabaran

Antara tujuan kita disuruh mempertahankan sifat kesabaran itu ialah:

Pertama, supaya dapat mengerjakan ibadat dengan tenteram agar tercapai kesempurnaan dan matlamatnya. Jika tidak bersabar dalam mengerjakannya, pelbagai musibah akan berlaku seperti keluhan-kesah, lalu kehilangan punca dan pertimbangan. Keadaan ini tentulah akan mengganggu konsentrasi dan penghayatan dalam menunaikan ibadat. Kadang kala sampai tidak dapat meneruskannya.

Kedua, untuk mencapai kejayaan (kebaikan dunia dan akhirat).

Allah Taala menganjurkan kita supaya bersabar. Antara firman Allah Taala mafhumnya;

"Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih dari kesabaran musuh di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)".

(Ali-imran 3:200).

Apabila seseorang itu berjaya mempertahankan kesabarannya dalam keempat-empat keadaan

tersebut, maka tercapailah darjat istiqamah dan taat dengan mendapat ganjaran pahala yang besar serta terhindar daripada jurang maksiat.

Saiyidina Ali Abu Talib K.A.W. pernah bermadah, maksudnya "Jika engkau bersabar, takdir itu berlaku juga ke atas dirimu, tetapi engkau dikurniakan ganjaran pahala. Jika engkau tidak sabar pun, takdir tetap berlaku ke atas dirimu dan engkau berdosa".

Dalam konteks menghadapi ujian (qadha') atau musibah, seseorang hamba Allah itu insya Allah akan berjaya menanamkan sifat sabar dalam dirinya, sekiranya dia sentiasa mengingati atau mengekalkan kesedaran tentang hakikat dan hikmah musibah itu serta sentiasa menaruh sangkaan baik terhadap Allah Ta'ala. Malah, dengan yang demikian, kesabaran dan keimanannya akan bertambah teguh. Inilah tindakan wajar orang yang bersabar. Kita tidak seharusnya marah atau kesal mengikut arus perasaan atau rangsangan nafsu syaitan, kerana kita tidak tahu hikmah disebalik takdir itu. Misalnya penyakit adalah salah satu daripada jutaan ujian daripada Allah.

Melalui penyakit, kita diuji oleh Allah Taala sejauh mana kesabaran dan keimanan kita, bagaimana usaha atau ikhtiar kita merawatinya, sama ada dengan cara yang bersendikan tawakal dan tafwid atau melibatkan perbuatan syirik, yakni bergantung kepada yang lain daripada Allah dan melakukan perkara-perkara mungkar yang lain.

Kalau ditakdirkan usaha rawatan itu gagal dan penyakit itu bertambah tenat, maka itu adalah ujian yang lebih besar, khususnya kepada si pesakit. Sekiranya penyakit itu akhirnya membawa maut, maka ujian itu melibatkan keluarga pula. Kita tidak tahu apakah hikmah dan hakikat di sebalik apa yang ditakdirkan oleh Allah.

Justeru itu, kita sebagai hamba Allah hendaklah menghadapinya dengan hati yang tenang, penuh kerelaan dan penuh kesabaran. Kaedah terbaik ialah berikhtiar mengatasinya dengan seberapa daya mengikut kemampuan kita sebagai hamba Allah.

Di dalam mewujudkan kesabaran, kita hendaklah sentiasa menyedari bahawa kadar dan waktu berlakunya kesusahan atau musibah itu adalah di bawah takdir Allah Ta'ala yang Maha Berkuasa. Ketetapan kadar itu tidak bertambah atau berkurang dan waktunya tidak terdahulu atau terkemudian.

Bagaimana cara untuk memelihara atau mengekalkan kesabaran itu pula adalah dengan sentiasa mengingati bahawa kesabaran itu bakal

dibalas dengan ganjaran kebajikan dan pahala yang disimpan khas oleh Allah Taala.

Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Asr, ada menyebutkan agar kita saling ingat-mengingati akan kebenaran dengan kesabaran.

Secara keseluruhannya, kesabaran itu merupakan ubat yang paling pahit tetapi paling mujarrab dan

keberkatan daripada kesabaran itu membawa manfaat kepada kita sekali gus menolak mudarat daripada kita. Sebagai ubat, pahitnya hanya sesaat, tetapi manisnya berpanjangan.

Wallahu a'lam.

Penentuan Arah Qiblat Dari Julai 2003 hingga Febuari 2004

- | | |
|---|--|
| 1. Surau Pangsapuri Permai Bukit Kuda. | 17. Surau Kompleks Logistik IPK Sel. Lot 14067 Seksyen U1 Shah Alam. |
| 2. Surau Al-Muhajirin BB4 Bukit Beruntung. | 18. Surau Tol Plaza Bukit Jelutong. |
| 3. Surau Ar-Rasyidin Sek. BB7 Bukit Beruntung. | 19. Surau Kawasan Rehat Dan Rawat Elmina Selatan. |
| 4. Surau Kuarters Institusi Pendidikan Bandar Utama Petaling. | 20. Surau Kawasan Rehat Dan Rawat Elmina Utara. |
| 5. Surau Lot 01:01-147B Ting. 1 Kompleks PKNS S. Alam. | 21. Surau Tol Plaza Lagong. |
| 6. Surau Lot LC1E Kota Kemuning S. Alam | 22. Surau Al-Hassan Jln Mempelam Kg. Bkt Bangkong Sg Pelek. |
| 7. Surau Lot 24158 USJ 6 Subang Jaya. | 23. Surau Pusat Belia Bukit Lagong Daerah Gombak |
| 8. Surau De' Puncak Serambi Menara Tinjau, Ampang. | 24. Surau Nurul Hasanah Kg Parit 11 Pasir Panjang. |
| 9. Surau Kolej Kediaman Pelajar Perempuan ke 8 UIA Gombak. | 25. Surau Kolej INPENS Bandar Armada Putra Pulau Indah Klang |
| 10. Surau No1 Jln Akik 7/3 Seksyen 7 Shah Alam. | 26. Surau Hotel Grand Bluewave Shah Alam |
| 11. Surau Taman Sri Sungai Pelek. | 27. Surau Al-Falah Jalan Cempaka 30 Taman Cempaka Ampang |
| 12. Surau Taman Beringin Sg. Lang Baru. | 28. Masjid Jamek Sg. Pelek (Baru) Sepang |
| 13. Surau Kuarters Pendidikan Jln Sg Pusu Batu 8 Gombak. | 29. Surau Proton Parts Centre Shah Alam |
| 14. Surau Dagang Jati Kg Jawa Klang. | 30. Surau NTV 7 Shah Alam |
| 15. Surau Rejimen 502 Askar Wataniah Ampang. | 31. Surau Tok Hj. Bakar Lot 11393 Kg. Sg. Udang Klang |
| 16. Surau Sekolah Menengah Agama Sg Merab Dengkil. | 32. Surau Darul Aman Kg. Kanchong Darat, Banting, Kuala Langat |
| | 33. Masjid Kg. Kelambu Daerah Kuala Langat |

Mutiara Kata

Tiga cara untuk menduduki kerusi pergaulan iaitu dengan ilmu pengetahuan, dengan budi pekerti dan kesihatan yang selalu terjaga.



Penolong Pegawai Bahagian Falak Syarie sedang menyaksikan kerja-kerja pengesahan arah kiblat sebelum disahkan.

AKTIVITI JABATAN MUFTI SEPANJANG 2004

Jabatan Mufti Negeri Selangor telah merancang beberapa aktiviti-aktiviti mengikut bahagian di mana ianya juga merupakan kesinambungan daripada aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2004 antaranya ialah:-

1) BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN:

- 1.1. Melaksanakan Program MS ISO 9001 : 2000. Jabatan Mufti Selangor sedang dalam proses mendapatkan persijilan MS ISO 9001 : 2000 untuk Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Bahagian Istibat.
- 1.2. Mesyuarat Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Mufti Selangor diadakan pada setiap akhir bulan.
- 1.3. Mengemaskini Buku Perkhidmatan Kerajaan Pegawai/Kakitangan mengenai hal-hal perkhidmatan dan lain-lain.
- 1.4. Merancang dan menyediakan permohonan pindah peruntukan (virement) untuk kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.
- 1.5. Memastikan setiap pegawai akan mendapat gaji pada tarikh yang ditetapkan dan tuntutan elaun akan diproses dengan segera.
- 1.6. Mengambil tindakan ke atas semua teguran oleh pihak audit.
- 1.7. Menguruskan Sasaran Kerja Tahunan dan laporan penilaian prestasi semua anggota Jabatan.

2) BAHAGIAN ISTIBAT:

- 2.1. Seminar dijangka akan diadakan pada bulan Julai, 2004, yang akan dihadiri oleh kakitangan kerajaan, Pertubuhan bukan kerajaan, pelajar IPTA/IPTS dan pemimpin masyarakat setempat.
- 2.2. Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang akan diadakan pada bulan Disember, 2004 sempena hari Keputeraan DYMM. Sultan Selangor yang ke 59.
- 2.3. Jabatan Mufti akan mengadakan Forum Perdana yang mana beberapa orang ahli panel akan dipanggil bagi membincangkan isu-isu semasa dan soal jawab berhubung masalah dan kemusykilan agama. Forum ini dijangka akan diadakan pada bulan September, 2004.
- 2.4. Melaksanakan Penyelidikan (R & D) Suasa dan Sutera.
- 2.5. Lawatan kerja Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor ke Indonesia.

3) BAHAGIAN FALAK SYARIE.


- 3.1. Menganjurkan kursus Falak Syarie Peringkat Daerah pada bulan Mac, Jun dan September, 2004 selain menerima permohonan daripada pihak luar untuk menganjurkan kursus secara kerjasama.
- 3.2. Menjalankan cerapan anak bulan pada setiap bulan Hijri.
- 3.3. Aktiviti pengesahan penentuan arah kiblat bagi masjid/surau di Negeri Selangor melalui permohonan daripada masa ke semasa.
- 3.4. Menerbitkan pelbagai artikel/risalah ilmiah tentang Falak Syarie pada bulan Febuari, Mac, Mei dan Julai, 2004.
- 3.5. Penyediaan taqvim waktu solat, taqvim Hijri dan jadual waktu berbuka puasa/imsak setiap tahun.
- 3.6. Pegawai dan kakitangan Bahagian Falak Syarie akan menghadiri kursus/Seminar Falak bagi memantapkan lagi penguasaan ilmu Falak.

4) BAHAGIAN SUMBER MAKLUMAT:

- 4.1. Mengemaskini laman web Jabatan Mufti Selangor dengan informasi terkini yang berterusan.
- 4.2. Menyelenggara Sistem E-Fatwa.
- 4.3. Sistem SISPEN - Pelaksanaan dan penyelenggaraan yang berterusan.
- 4.4. Perkakasan Komputer - Penyelenggaraan dan pertambahan beberapa peralatan dan perisian baru.

Mutiara Kata

Rasulullah S.A.W bersabda, "
Orang yang kuat itu
bukanlah orang yang kuat
beradu tenaga, tetapi orang
yang kuat itu adalah orang
yang dapat menahan
kemarahannya.



**“.. (Dengan ketentuan yang demikian),
matahari tidak mudah baginya mengejar
bulan dan malam pula tidak dapat
mendahului siang, kerana tiap-tiap satunya
beredar terapung-apung ditempat
edarannya masing-masing..”
(Yaasin : 40)**

**“.. selain itu (sungguh ngeri) tatkala langit
pecah belah lalu menjadilah ia merah mawar
berkilat seperti minyak..”** *(Ar Rahman 37)*

(Ayat ini menyatakan kehancuran alam langit ketika hampir kiamat)

Gambar : NASA Hubble Space Telescope

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 4, Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40676 Shah Alam, Selangor

Telefon : 03-55106589, 03-55112793, 03-55447521/22/23/24 Faks : 03-55197584

E-mail : mufti_sel@selangor.gov.my

Laman web : <http://mufti.selangor.gov.my>